



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

JPA TURUN PADANG SANTUNI PESARA, ZAHIR KEPRIHATINAN

KLUANG, 9 JULAI 2026 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terus memperkukuh komitmen dalam menyantuni golongan pesara menerusi Program Santuni Pesara yang **diketuai oleh YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di sekitar daerah Kluang, Johor hari ini.

Program berkenaan melibatkan sesi ziarah ke kediaman **enam orang pesara kerajaan**, sekali gus membolehkan delegasi JPA bertanya khabar, memahami keadaan semasa serta meneliti sendiri keperluan mereka secara lebih dekat, khususnya dalam kalangan pesara yang mengalami keuzuran dan masalah kesihatan.

Selaras dengan nilai **Ihsan Malaysia MADANI**, Program Santuni Pesara merupakan inisiatif berterusan kerajaan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan pesara terus diberi perhatian. Selain menzahirkan penghargaan terhadap jasa serta pengorbanan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan, program ini turut menjadi platform mengenal pasti keperluan pesara supaya bantuan dan intervensi daripada pelbagai agensi kerajaan dapat diselaraskan secara lebih bersasar mengikut **keperluan dan keadaan semasa mereka**.

Program ini turut mencerminkan komitmen kepimpinan tertinggi JPA untuk turun padang mendekati pesara secara langsung bagi memastikan suara, kebajikan dan keperluan mereka terus diberikan perhatian.

Menurut YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan, pesara merupakan sebahagian daripada legasi perkhidmatan awam yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara dan jasa mereka akan sentiasa dikenang. **"Program seperti ini membolehkan kita mendekati pesara secara bersemuka untuk memahami sendiri cabaran dan keperluan yang mereka hadapi dalam menjalani kehidupan selepas persaraan. Pendekatan ini penting supaya setiap bentuk bantuan dan sokongan yang disalurkan benar-benar memenuhi keperluan mereka. Pada masa yang sama, ia**

mencerminkan bahawa kerajaan bukan sahaja menghargai jasa dan pengorbanan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan, malah terus mengambil berat terhadap kebajikan mereka selepas bersara."

Sejak diperkenalkan pada tahun 2005, Program Santuni Pesara menjadi antara inisiatif berterusan JPA dalam menyantuni pesara kerajaan, khususnya **pesara yang memerlukan perhatian dan sokongan**. Program ini digerakkan melalui penglibatan Pengurusan Tertinggi JPA serta diperkukuh menerusi kerjasama strategik bersama Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) melalui inisiatif **MyPesara**, iaitu **Jelajah MyPesara** dan **Kembara MyPesara**.

Bagi pelaksanaan di Kluang, program ini turut dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU) Negeri Johor serta Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Selatan (IKWAS). Kerjasama antara JPA, KWAP, ICU dan INTAN ini mencerminkan pendekatan **Whole-of-Government** dalam memastikan kebajikan pesara terus diperkukuh melalui penyelarasan bantuan dan sokongan secara lebih menyeluruh, bersepadu serta berkesan.

JPA akan terus memperkukuh usaha menyantuni golongan pesara melalui kerjasama strategik pelbagai agensi bagi memastikan kesejahteraan mereka terus terpelihara. Inisiatif ini mencerminkan penghargaan kerajaan terhadap jasa dan pengorbanan pesara serta komitmen berterusan untuk memastikan mereka terus menikmati kehidupan yang sejahtera dan bermaruah selepas menamatkan perkhidmatan.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 9 Julai 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (50)